

KESEDIAAN BAKAL GURU SISWAZAH YANG MENGIKUTI PROGRAM KHAS PENSISWAZAHAN GURU UNTUK MENGAJAR MATA PELAJARAN LUKISAN KEJURUTERAAN. SATU KAJIAN KES.

Adibah Bte Abdul Latif & Malathy A/P Kuberan
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesediaan bakal guru siswazah yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan setelah tamat pengajian di Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini menyentuh dua aspek iaitu sikap dan kemahiran bakal guru siswazah tersebut. Kajian dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik kepada semua bakal guru siswazah tahun 4 kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan di Fakulti Pendidikan, UTM. Respondennya adalah seramai 100 orang. Instrumen kajian adalah dalam bentuk soal-selidik dan nilai kebolehpercayaan (alpha croanbach) yang diuji melalui kajian rintis adalah $\alpha = 0.7159$. Data mentah dianalisis menggunakan perisian SPSS *Statistical Package For Sosial Science* 11.5 meliputi kekerapan, peratus, min, sisihan Piawai dan Ujian-t. Semua hasil dapatan dikumpul dan dirumuskan bagi mendapatkan nilai kekerapan dan peratusan. Semua hasil dapatan dikumpul dan dirumuskan bagi mendapatkan satu gambaran yang jelas mengenai kesediaan bakal guru siswazah untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bakal guru siswazah PKPG menunjukkan kesediaan dari segi sikap dan kemahiran untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di sekolah. Berdasarkan Ujian-t didapati bahawa tiada perbebezaan yang dikenalpasti antara jantina

Abstract: The purpose of this study is to see the level of implimentation of Living Skill subject and the factors that influence the Living Skill teachers in teaching and learning process. This study has been conducted among 10 Tamil schools in the Johor Bharu district with the focus at the level of teachers knowledge, interest, workload, workshop facilities and equipments and aslo the support of the administrator. 50 primary school teachers teaching Living Skill were choose as respondents in this research. The instrument in the research was questionnaire and the value of reliability (alpha's croanbach) in the pioneer research is $\alpha = 0.7636$. The SPSS Statistical Package For Social Science 11.3 were used in the data analysis and it is including frequency, percent, mean, standart devition and T-test. The finding of the research shows that knowledge factor and interest of teachers factor play an vital role. Meanwhile the workshop facilities and support from school administrator and workload were in moderate level. Based on the T-test, it is shows that there is no identified differences between the gender with the other factors that have been studied in this research. This study should be carried out throughout the country to get a more precised outcome. A few recommendations have been made in this study to the relevant authorities in order to give a special attention on the problem of teaching and learning of Living Skill subject in Tamil schools. This study should be carried out throughout the country to get a more precised outcome.

Katakunci: Lukisan Kejuruteraan, Program Khas Pensiswazahan Guru

Pengenalan

Mata pelajaran LK merupakan salah satu mata pelajaran elektif Kurikulum Baru Sekolah Menengah dalam kumpulan II iaitu kumpulan Vokasional dan Teknologi. Mata pelajaran LK dikelompokkan bersama-sama dengan mata pelajaran Matematik Tambahan, Sains Pertanian, Perdagangan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Ekonomi Rumah Tangga, Teknologi Kejuruteraan. Pelaksanaannya di peringkat Kurikulum Baru Sekolah Menengah, mata pelajaran LK dikenali sebagai Lukisan Teknik atau Lukisan

Geometri (LG). Namun begitu objektif mata pelajaran LK adalah lebih baik daripada Lukisan Geometri (Zainon, 1993). Mata pelajaran LK mempunyai objektif yang lebih bersepadu kerana ia menggabungkan lukisan geometri dengan semua bidang kejuruteraan. Pendedahan ini penting kerana ia dapat membina kecenderungan pelajar terhadap sesuatu bidang kejuruteraan yang diminati (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993).

Pernyataan Masalah

Masalah-masalah yang telah diutarakan menunjukkan bahawa guru-guru yang telah mengajar mata pelajaran LK di sekolah mempunyai masalah dan kesukaran tertentu yang berkait dengan pengetahuan dan kemahiran yang kompleks di samping boleh dikaitkan dengan faktor-faktor emosi seperti, sikap dan kemahiran. Jadi bagaimana pula dengan guru yang belum mengajar di sekolah seperti bakal guru siswazah PKPG; adakah mereka juga benar-benar mempunyai kesediaan dari aspek sikap dan kemahiran untuk mengajar mata pelajaran LK selepas tamat pengajian di UTM.

Objektif Kajian

Secara khusus, kajian ini adalah bertujuan untuk:

- i. Mengetahui kesediaan mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di kalangan bakal guru siswazah PKPG dari aspek sikap.
- ii. Mengetahui kesediaan mengajar mata pelajaran LK di kalangan bakal guru siswazah PKPG dari aspek kemahiran.
- iii. Mengetahui perbezaan kesediaan mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di kalangan bakal guru siswazah PKPG dari aspek sikap merentas jantina.
- iv. Mengetahui perbezaan kesediaan mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di kalangan bakal guru siswazah PKPG dari aspek kemahiran merentas jantina.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dibuat untuk melihat bagaimanakah kesediaan seseorang guru untuk mengajar mata pelajaran LK. Pentingnya seseorang guru mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang menyeluruh dengan pelbagai bidang kejuruteraan.

Kepada guru atau individu yang terlibat diharap dapat mengambil peluang sebaik mungkin daripada apa yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri atau Teknikal serta pihak sekolah bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dan ketepikan sebarang kebimbangan terhadap sesuatu yang baru dan tanamkan sikap yang positif bagi menjayakan sebarang matlamat.

Kepada pihak sekolah diharap dapat mengambil berat dan memberi sepenuhnya perhatian terhadap keperluan guru dari masa ke semasa agar tidak ketinggalan dari sebarang perubahan teknologi dan maklumat .

Kepada pihak Jabatan Pendidikan atau Kementerian Pendidikan adalah diharap sentiasa dapat menganjurkan aktiviti-aktiviti peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran dan tanamkan sikap yang positif agar guru sentiasa mempunyai semangat dan iltizam yang tinggi semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Dari hasil dapatan kajian ini juga diharap pihak yang bertanggungjawab terhadap punca yang telah dikenal pasti seperti Jabatan Pendidikan Negeri, pihak sekolah serta guru akan dapat memperbaiki segala

kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum mata pelajaran LK supaya selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Metodologi

Sampel Kajian

Menurut Webster (1985), sampel merupakan bahagian set responden yang dipilih daripada populasi yang lebih besar untuk tujuan kajian. Persampelan rawak yang dipilih oleh penyelidik adalah persampelan berlapis. Persampelan ini ada kemungkinan tidak mewakili keseluruhan populasi. Menurut Azizi Yahya (2007), penggunaan persampelan berlapis menambahkan peluang kepada penyelidik mendapatkan data yang mewakili populasi dan dengan itu menambahkan ketepatan keputusan. Azizi Yahya (2007) menyatakan 30% daripada sampel sebenar daripada jumlah populasi adalah mencukupi. Saiz sampel yang besar adalah penting kerana ia melambangkan kekuatan keputusan kajian nanti. Lebih besar sampel, lebih mantap kajian kerana dapat mengurangkan kesilapan keputusan. Penentuan saiz sampel dalam kajian ini adalah berdasarkan kaedah yang digunakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel merupakan sumber untuk mendapatkan data daripada sesuatu populasi. Populasi bagi kajian ini ialah seramai 123 setelah ditolak dengan diri pengkaji. Ini menepati bilangan saiz *Krejcie & Morgan*. Sampel kajian terdiri daripada 100 guru PKPG 4SPH di UTM.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik digunakan kerana ia lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama responden (Mohd Majid, 1994). Responden bebas memilih dan menyatakan pendapat, menilai mengikut kehendak soal selidik dan mereka tahu apa yang difikirkan untuk menjawab. Soal selidik mempunyai beberapa kelebihan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha penyelidik mendapatkan maklumat. Antara kebaikan menggunakan soal selidik ialah:

- i. Kaedah ini adalah lebih cepat dan boleh menjimatkan masa dan perbelanjaan.
- ii. Responden lebih berani dan bersedia untuk memberi maklumbalas terhadap aspek yang dikaji. Oleh sebab itu penyelidik berasa lebih yakin dengan data-data yang diperolehi.

Soal selidik ini direkabentuk berdasarkan persoalan kajian. Borang soal selidik yang dikemukakan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden manakala Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Skala Likert digunakan dalam Bahagian B. Skala jenis ini digunakan kerana ianya dapat memberikan gambaran yang lebih tepat terhadap maklumbalas responden. Soalan ini direkabentuk untuk meninjau kesediaan bakal guru siswazah tahun 4 PKPG Kemahiran hidup untuk mengajar mata pelajaran LK. Soalan atau pernyataan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu berdasarkan persoalan kajian iaitu sikap dan kemahiran. Setiap kategori mengandungi beberapa soalan dan pernyataan yang berkaitan dengan kategori tersebut.

Kajian Rintis

Kajian rintis terhadap soalan kajian dilakukan terlebih dahulu untuk menguji kesahan soalan. Menurut Mohamad Najib (1999), sebelum melakukan kajian sebenar, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik perlu diuji bagi mengekalkan kualiti seterusnya membantu mencapai objektif penyelidikan. Kebolehpercayaan bagi sesuatu instrumen boleh dikenal pasti dengan

menggunakan pelbagai kaedah antaranya ialah *Alpha Cronbach*. Item yang mempunyai Nilai Alpha Cronbach yang melebihi 0.600 akan digunakan didalam kajian sebenar. Secara umumnya, kebolehpercayaan bagi keseluruhan kajian yang dijalankan adalah 0.7159.

Perbincangan

Persoalan Kajian 1: Apakah kesediaan bakal guru siswazah PKPG untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dari aspek sikap.

Sikap

Hasil kajian secara keseluruhan mendapati majoriti bakal guru siswazah PKPG mempunyai sikap positif untuk mengajar mata pelajaran LK sekiranya diminta mengajar di sekolah nanti.

Sikap positif bakal guru siswazah PKPG ini jelas ditunjukkan apabila hampir seratus peratus daripada mereka bersedia mengikuti kursus mengenai LK apabila diarahkan oleh pihak pentadbir apabila berada di sekolah nanti. Apabila seseorang guru ingin berjaya dalam sesuatu bidang di luar keupayaannya maka ia mestilah mampu melaksanakan perubahan yang berlaku dalam sesuatu kurikulum bagi sesuatu mata pelajaran dengan banyak kursus yang perlu dihidangkannya. Sikap merupakan antara faktor yang mempengaruhi kesediaan seseorang guru. Peters (1984; dalam Mazlan, 1998). Sikap yang positif akan menghasilkan kesediaan yang diharapkan untuk melaksanakan perubahan.

Sikap positif bakal guru siswazah PKPG ini juga ditunjukkan apabila sebahagian besar daripada mereka bersedia untuk mengajar mata pelajaran LK apabila diarahkan oleh pihak pentadbir apabila berada di sekolah nanti. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan sikap antara mengikuti kursus dengan mengajar mata pelajaran LK. Bakal guru siswazah ini berpendapat mereka lebih bersedia untuk mengikuti kursus daripada mengajar mata pelajaran LK kerana mereka sudah tentu akan menghadapi masalah yang lebih besar ketika berhadapan dengan pelajar berbanding ketika mengikuti kursus. Kenyataan ini selaras dengan Gross et al. (1971; dalam Mazlan, 1998) yang menyatakan bahawa sikap menentang sesuatu program pendidikan di kalangan guru-guru mula dan berkembang apabila mereka menghadapi halangan dan masalah dalam melaksanakan perubahan tersebut.

Menurut Crow (1983), sikap diartikan sebagai hasil sampingan yang menjelaskan pengalaman seseorang individu, mempunyai asasnya pada desakan dalaman, tabiat yang dipelajari dan pengaruh alam sekitar yang mengelilinginya. Kenyataan ini merujuk kepada aspek pengalaman mengajar mata pelajaran LAV dimana majoriti bakal guru siswazah mempunyai sikap positif untuk mengajar mata pelajaran LK kerana sikap positif itu lahir daripada pengalaman yang telah dilalui oleh sebahagian bakal guru siswazah PKPG yang mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran LAV sebelum ini.

Selain daripada itu, lebih daripada separuh bakal guru siswazah PKPG mempunyai sikap positif untuk mengajar mata pelajaran LK semasa di sekolah nanti berdasarkan usaha mereka untuk mengajar mata pelajaran LK dan LAV berbanding dengan mata pelajaran vokasional lain seperti teknologi dan amali di masa lalu. Sikap positif begini selaras dengan pendapat Habibah (1980) yang menyatakan bahawa sesuatu kerja atau aktiviti akan diusahakan dengan konsentrasi yang tinggi jika individu tersebut mempunyai minat terhadap kerja tersebut. Oleh itu minat boleh dianggap sebagai penggerak yang mendorong untuk memberi perhatian kepada sesuatu benda atau kegiatan, atau boleh merupakan pengalaman yang berpengaruh yang telah dirangsang oleh kegiatan itu sendiri.

Walaupun bagaimanapun tidak sampai separuh bakal guru siswazah PKPG mempunyai sikap positif apabila mereka menunjukkan sikap sebaliknya semasa diminta mengambil alih kelas LK di sekolah dahulu dimana tidak semua responden bersemangat mengajar walaupun mahir dalam mata pelajaran LK. Dalam

hal ini, bersemangat ketika mengajar dan bersemangat untuk mengajar adalah perkara yang berlainan. Seseorang guru yang mempunyai sikap yang positif akan bersedia untuk mengajar dan sebaliknya akan berlaku apabila berhadapan dengan pelajar tanpa ilmu pengetahuan dan kemahiran yang cukup. Sikap merupakan pembawaan seseorang yang dipengaruhi oleh pemikiran, perasaan dan haluan tingkah laku.

Di samping itu juga, terdapat beberapa aspek lain yang menyebabkan minat untuk mengajar mata pelajaran LK berkurang. Didapati sebahagian kecil bakal guru siswazah PKPG mempunyai pengetahuan dalam bidang AutoCad iaitu satu kemahiran komputer yang terdapat dalam KBSM yang diterapkan di Sekolah Menengah Vokasional sebagai asas kepada penguasaan teknologi moden (Sulaiman et.al, 1994). Ada perbezaan yang tidak begitu ketara apabila dibandingkan dengan kajian Megat Azizi (2000) di mana kajiannya menunjukkan lebih separuh guru yang telah mengajar mata pelajaran LK di sekolah tidak tahu menggunakan perisian AutoCad. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ini sudah tentu tidak mendorong responden untuk mengajar mata pelajaran LK. Sikap yang positif dan tahap penggunaan yang tinggi juga perlu ada di kalangan guru supaya mereka akan bersedia dan dapat menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Persoalan Kajian 2 : Adakah bakal guru siswazah PKPG bersedia mengajar matapelajaran Lukisan Kejuruteraan dari aspek kemahiran?

Kemahiran

Hasil kajian mendapati tidak sampai separuh bakal guru siswazah PKPG mempunyai kemahiran mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan ini berkaitan dengan tidak sampai separuh bakal guru siswazah PKPG mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran LK.

Walau bagaimanapun didapati sebahagian besar bakal guru siswazah PKPG mempunyai pengalaman lebih dari tiga tahun mengajar mata pelajaran LAV. Hanya aspek ini sahaja menunjukkan bahawa bakal guru siswazah PKPG mempunyai kemahiran bagi membantu memudahkan mereka mengajar mata pelajaran LK. Pengalaman yang diperolehi ini selaras dengan kenyataan oleh Burdeu, P.R. dan Byrd D.M (1994), pengalaman mengajar boleh mempengaruhi tindakan-tindakan yang diambil oleh seseorang guru dalam perancangan mengajarnya. Pengalaman mengajar sesuatu mata pelajaran dapat mengukuhkan pengetahuan tentang isi pelajaran, mengenalpasti jenis aktiviti pembelajaran yang sesuai dan guru itu juga berupaya mempelbagaikan kaedah pengajarannya.

Bakal guru siswazah PKPG juga didapati mempunyai kemahiran untuk mengajar mata pelajaran LK apabila sebahagian daripada mereka hanya mengajar mata pelajaran LK dan LAV sahaja sehinggalah mereka menyambung pelajaran di UTM. Pengalaman hanya mengajar mata pelajaran LK dan LAV memberi makna bahawa bakal guru siswazah PKPG ini tidak mengajar mata pelajaran lain selain yang dinyatakan. Sekurang-kurangnya di sini boleh dilihat bahawa mereka ada kemahiran yang baik untuk mengajar mata pelajaran LK.

Lebih separuh bakal guru siswazah PKPG mempunyai kelebihan dan keupayaan untuk mengajar mata pelajaran LK walaupun mereka cuma mengajar mata pelajaran LAV. Mereka selalu dirujuk oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran LK bagi mengajar mereka dalam topik-topik tertentu yang bukan bidang guru-guru mata pelajaran lukisan kejuruteraan itu.

Guru-guru mata pelajaran LK ini bertindak merujuk kepada guru-guru lain walaupun dari aliran vokasional mungkin kekurangan dari aspek pengetahuan dan kemahiran dan seterusnya akan menyebabkan mereka bimbang tidak dapat mengajar dengan berkesan. Noran Faudziah dan Ahmad Mahdzan (1990) berpendapat guru yang cetek pengetahuan berkemungkinan tidak dapat mengajar dengan berkesan.

Namun ada beberapa aspek telah menunjukkan bahawa bakal guru siswazah ini tidak mempunyai kemahiran untuk mengajar mata pelajaran LK. Ketika di sekolah dahulu tidak sampai separuh bakal guru siswazah PKPG menjadi rujukan atau dirujuk oleh guru-guru mata pelajaran LK bagi menyediakan jawapan peperiksaan ujian bulanan dan hanya sebahagian kecil daripada mereka dirujuk oleh guru-guru mata pelajaran lukisan bagi menyediakan skema jawapan peperiksaan. Sebenarnya kerja bagi menyediakan jawapan peperiksaan ujian bulanan dan skema jawapan peperiksaan bagi mata pelajaran LK bukanlah senang kerana ia melibatkan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dan merangkumi pelbagai bidang vokasional pula.

Selain daripada itu didapati sebahagian kecil sahaja bakal guru siswazah yang kerap kali menghadiri kursus kemahiran melukis dalam mata pelajaran LK sama ada anjuran KPM atau JPN. Guru-guru yang kerap kali menghadiri kursus akan mempunyai banyak pengalaman kerana banyak ilmu pengetahuan dan kemahiran yang boleh dipelajarinya sekerap mana mereka berkursus dan begitulah sebaliknya akan berlaku. Ada kajian yang menyatakan bahawa guru masih perlu menghadiri kursus walaupun mahir mengajar sebagaimana Paimin (1994) dalam kajiannya mendapati ramai guru mahir mengendalikan pengajaran tetapi masih perlu menghadiri kursus Namun begitu didapati majoriti bakal guru siswazah PKPG memerlukan kursus bagi menambah keyakinan diri untuk mengajar mata pelajaran LK. Abdul Raof (1991) menyatakan bahawa sifat yakin penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jadi salah satu cara untuk mendapatkan keyakinan ialah dengan memperolehi ilmu atau apa yang hendak diajar. Oleh itu guru-guru haruslah didedahkan dengan pelbagai kursus sama ada secara dalaman atau pun luaran berkenaan mata pelajaran tersebut supaya pengetahuan dan kemahiran mereka bertambah.

Keyakinan diri untuk mengajar mata pelajaran LK jelas ditunjukkan apabila sebahagian besar bakal guru siswazah PKPG berpendapat mereka mempunyai keyakinan setelah mendapat pendidikan tambahan dalam mata pelajaran LK di UTM. Keyakinan diri dalam kemahiran seseorang bakal guru siswazah PKPG akan bertambah setelah mereka menguasai pengetahuan teori dan amali dalam mata pelajaran LK walaupun ini bukannya mata pelajaran opsyen mereka. Menurut Atan (1982) seseorang guru perlu mengetahui secara mendalam akan mata pelajaran yang hendak diajarnya kerana dengan kurangnya pengetahuan akan menimbulkan rasa tidak percaya kepada dirinya, menyebabkan sifat beku dan menandatangani rasa bimbang atau kurang yakin.

Begitu juga didapati majoriti bakal guru siswazah PKPG memerlukan rakan sejawat yang mahir dan berpengetahuan luas dalam mata pelajaran LK bagi menambahkan keyakinan diri. Menurut Mohd Syukri (1999), salah satu cara mendapatkan keyakinan semasa mengajar sesuatu mata pelajaran itu ialah dengan menguasai ilmu pengetahuan. Ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti menghadiri kursus sama ada secara dalaman atau luaran. Maksud secara dalaman boleh diertikan sebagai tunjukkan dari rakan sejawat yang lebih berpengetahuan dan mahir di dalam sekolah.

Persoalan Kajian 3 : Adakah terdapat perbezaan kesediaan mengajar matapelajaran Lukisan Kejuruteraan di kalangan bakal guru siswazah PKPG dari aspek sikap merentas jantina?

Daripada hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang disignifikan diantara kesediaan mengajar matapelajaran Lukisan Kejuruteraan dari aspek sikap merentas jantina kerana hipotesis nol persoalan kajian ini diterima, dimana nilai signifikan adalah lebih daripada 0.05. Ini disebabkan kesediaan guru PKPG lelaki dan perempuan adalah sama.

Persoalan Kajian 4. Adakah terdapat perbezaan kesediaan mengajar matapelajaran Lukisan Kejuruteraan di kalangan bakal guru siswazah PKPG dari aspek kemahiran merentas jantina?

Daripada hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang disignifikan diantara kesediaan mengajar matapelajaran Lukisan Kejuruteraan dari aspek kemahiran merentas jantina kerana hipotesis nol persoalan kajian ini diterima, dimana nilai signifikan adalah lebih daripada 0.05

Rumusan

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti kesediaan bakal guru siswazah PKPG untuk mengajar mata pelajaran LK di sekolah setelah tamat pengajian di UTM. Hasil kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa lebih daripada separuh bakal guru siswazah PKPG mempunyai kesediaan untuk mengajar mata pelajaran LK terutamanya jika dilihat dari aspek sikap positif mereka. Namun begitu semakin kurang pula jika dilihat pada aspek kemahiran dimana hasil kajian menunjukkan sebahagian sahaja daripada mereka yang mempunyai kesediaan dari aspek-aspek tersebut. Kekurangan-kekurangan yang terdapat pada bakal guru siswazah yang menyebabkan sebahagian daripada mereka tidak mempunyai kesediaan untuk mengajar mata pelajaran LK haruslah dianggap sebagai satu cabaran bagi pihak-pihak yang berkaitan dengan pendidikan perguruan agar mereka sentiasa memastikan segala keperluan dilengkapi sebaik mungkin dan bukannya melihat kekurangan-kekurangan ini menjadi satu masalah besar kepada sistem pendidikan negara. Oleh itu penyelidik berharap agar kajian ini dapat dimanfaatkan oleh mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau sebalik

Rujukan

- Abdul Raof Dalip dan T. Subahah Mohd Meerah. (1991). *“Isu-isu Latihan Mengajar”*. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bd.
- Abu Zahari Abu Bakar (1998).” *Memahami Psikologi Pembelajaran*”. Petaling Jaya:Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Atan Long (1982). *“Psikologi Pendidikan”*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Atan Long (1988). *“Psikologi Pendidikan”*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Nordin dan Mohamad Arif Abdul Rani (1995). *“Cabaran Kepada Guru Yang Memasuki Universiti Teknologi Malaysia Secara Terus Dan Melalui Program Kembar”*. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Teknik Dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia,. 115 – 126.
- Burden, P.R. dan Byrd D.M. (1994). *“Methods For Effective Teaching”*. Massachuset: Simon and Shuster.
- Cece Wijaya; Djadja Djadjuri dan A. Tabrani Rusyan (1992). *“Upaya Pembaharuan Dalam Pendidikan dan Pengajaran”*. Bandung : Penerbit Remaja Rosdakarya.